



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN CUKAI PELABURAN –
GAMBARAN KESELURUHAN**

KETETAPAN UMUM NO. /2023

TARIKH PENERBITAN: 2023

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	3
5. Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan	3
6. Permohonan untuk Pemberian Kelulusan bagi Elaun Cukai Pelaburan	4
7. Perbelanjaan Yang Layak	5
8. Maksud Dilakukan	7
9. Layanan Percukaian bagi Elaun Cukai Pelaburan	9
10. Pengilangan	13
11. Pertanian	16
12. Penarikan Balik Kelulusan untuk Elaun Cukai Pelaburan	19
13. Penyerahan Pemberian Kelulusan Elaun Cukai Pelaburan	20
14. Akaun Berasingan	21
15. Penafian	21

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan mengenai elaun cukai pelaburan yang boleh dipohon oleh syarikat yang menyertai atau berhasrat hendak menyertai suatu perniagaan berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau pengeluaran suatu keluaran digalakkan di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 8 dan Jadual 3.
- 2.3 Peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP) adalah seksyen 2, 4 hingga 4F, 5, 26 hingga 31 dan 43A.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aktiviti digalakkan” ertinya suatu aktiviti pengilangan, pertanian, pertanian bersepadu, hotel, pelancongan atau aktiviti perindustrian atau komersial lain yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 APP dan termasuk aktiviti yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A) APP.
- 3.2 “Aktiviti pertanian bersepadu” ertinya suatu aktiviti yang terdiri daripada pengeluaran hasil pertanian dan pengilangan hasil itu dan termasuklah apa-apa aktiviti yang berkaitan dan bersampingan dengan aktiviti itu.
- 3.3 “Dilakukan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 ACP.
- 3.4 “Hotel” ertinya apa-apa tempat penginapan, yang termasuklah hotel, motel, chalet atau hostel, dari standard diluluskan yang didaftarkan dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
- 3.5 “Keluaran digalakkan” ertinya apa-apa keluaran yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk keluaran yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A) APP.

-
- 3.6 “Menteri”, kecuali di mana terdapatnya sebutan khusus kepada Menteri Kewangan, ertinya; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
- 3.7 “Pendapatan berkanun” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8 “Perniagaan hotel” ertinya penjalanan sesuatu perniagaan dalam hotel di mana perniagaan itu mengadakan tempat tidur dan mungkin termasuk mengadakan makanan, minuman dan perkhidmatan atau kemudahan lain dan pemberian konsesi bagi mana-mana bahagian hotel itu bagi maksud yang berkaitan dan bersampingan dengan penggalakan pelancongan.
- 3.9 “Projek pelancongan” ertinya suatu projek, selain perniagaan hotel, yang khususnya dijalankan bagi maksud yang berkaitan dengan penggalakan pelancongan dan didaftarkan dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
- 3.10 “Syarikat” ertinya suatu syarikat —
- (a) yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; dan
 - (b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran.
- 3.11 “Syarikat berteknologi tinggi” ertinya suatu syarikat yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memuncul.
- 3.12 “Syarikat perintis” ertinya suatu syarikat yang diperakui oleh suatu perakuan perintis menjadi suatu syarikat perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang berkenaan dengannya tempoh galakan cukai belum lagi berakhir atau belum lagi tamat;
- 3.13 “Tahun asas” ertinya tahun kalendar yang berbetulan dengan tahun taksiran.
- 3.14 “Tahun taksiran” ertinya tahun kalendar.
- 3.15 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, punca seseorang tersebut dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, sepertimana yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.
-

4. Pengenalan

Syarikat dalam pelbagai sektor seperti pengilangan, pertanian, perkhidmatan dan syarikat teknologi tinggi boleh menjalankan projek yang memerlukan pelaburan modal yang besar. Tempoh matang, daripada tarikh pelaburan dilakukan sehingga tarikh keuntungan diperoleh, untuk projek tersebut mungkin panjang. Suatu syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan di Malaysia yang memerlukan perbelanjaan modal yang besar boleh menikmati galakan cukai dalam bentuk elaun cukai pelaburan. Elaun cukai pelaburan adalah suatu elaun yang diberikan berdasarkan perbelanjaan yang layak (PYL) yang dilakukan untuk tujuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

5. Aktiviti Digalakkan dan Keluaran digalakkan

Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, akan menentukan aktiviti dan keluaran sebagai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan dari semasa ke semasa. Aktiviti dan keluaran yang mempunyai kepentingan nasional dan strategik juga boleh ditentukan secara kes demi kes sebagai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan. Aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan telah diterbitkan melalui perintah statutori seperti berikut:

- (a) Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi yang layak dipertimbangkan untuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan di bawah APP (Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan Bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) 2012 [P.U.(A) 59/2012]);
- (b) Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi industri terpilih yang layak dipertimbangkan untuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan di bawah APP (Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan Bagi Industri Terpilih) 2012 [P.U.(A) 60/2012]);
- (c) Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi pelaburan semula di bawah APP (Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan Bagi Pelaburan Semula) 2012 [P.U.(A) 61/2012]);
- (d) Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan yang layak dipertimbangkan untuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan di bawah APP (Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan) 2012 [P.U.(A) 62/2012]); dan
- (e) Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat berskala kecil yang layak dipertimbangkan untuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan di

bawah APP (Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan Bagi Syarikat Kecil-Kecilan) 2012 [P.U.(A) 63/2012]).

6. Permohonan untuk Pemberian Kelulusan bagi Elaun Cukai Pelaburan

Sebelum suatu tuntutan elaun cukai pelaburan boleh dibuat oleh syarikat bagi suatu tahun taksiran, syarikat membuat syarikat tersebut perlu membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

6.1 Permohonan

Mana-mana syarikat yang mengambil bahagian atau bercadang untuk mengambil bahagian di Malaysia dalam aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan boleh membuat permohonan secara bertulis untuk kelulusan bagi tujuan elaun cukai pelaburan. Jika permohonan dibuat oleh suatu syarikat yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh –

- (a) suatu syarikat perintis atau syarikat yang telah diberikan kelulusan elaun cukai pelaburan untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama; atau
- (b) suatu syarikat yang diberi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama; atau
- (c) suatu syarikat pasca perintis atau syarikat yang telah diberikan kelulusan elaun cukai pelaburan dan tempoh galakan cukai telah tamat,

permohonan itu akan dipertimbangkan jika ia memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Menteri dalam perintah statutori.

Suatu syarikat perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan adalah layak untuk memohon elaun cukai pelaburan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang lain sahaja.

Suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis mungkin layak untuk memohon elaun cukai pelaburan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama dengan memberi notis secara bertulis kepada Menteri untuk menyerah balik pemberian taraf perintis sekiranya Menteri berpuas hati dengan alasan bagi penyerahan balik taraf perintis.

Semua permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang yang berkaitan, yang perlu dikemukakan kepada MIDA. Untuk maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan dan prosedur permohonan elaun cukai pelaburan, sila rujuk laman web MIDA di <https://incentives.mida.gov.my/>.

6.2 Kelulusan

Kelulusan berkenaan dengan permohonan untuk elaun cukai pelaburan boleh diberikan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan di bawah peruntukan APP. Kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada –

- (a) tarikh aktiviti atau keluaran itu ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan;
 - (b) tarikh syarikat itu mula melibatkan diri dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan;
 - (c) tarikh perbelanjaan yang layak telah dilakukan; atau
 - (d) tiga (3) tahun dari tarikh permohonan diterima oleh Menteri,
- yang mana lebih awal.

Contoh 1

ND Sdn Bhd (ND) telah memohon untuk elaun cukai pelaburan bagi mengilang peralatan perubahan yang merupakan keluaran digalakkan pada 1.7.2022. ND telah melakukan perbelanjaan yang layak bagi pembinaan sebuah kilang pada 5.2.2020 tetapi masih belum memulakan aktiviti pengilangan kerana bangunan kilang tersebut masih belum siap dibina. Kelulusan untuk ND boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang pada 5.2.2020.

7. Perbelanjaan Yang Layak (PYL)

7.1 Maksud PYL bagi tujuan elaun cukai pelaburan adalah perbelanjaan modal –

- (a) berhubung dengan pengilangan/pembuatan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kilang atau mana-mana loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan;
- (b) berhubung dengan pertanian, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan –
 - (i) membersihkan dan menyiapsediakan tanah;
 - (ii) menanam tanaman;

- (iii) mengadakan sistem pengairan atau sistem saliran;
- (iv) mengadakan loji dan jentera yang digunakan di Malaysia bagi maksud penanaman tanaman, ternakan binatang, akuakultur, penangkapan ikan di pedalaman atau di laut dalam dan kerja pertanian atau ternakan lain;
- (v) pembinaan jalan akses termasuk jambatan; dan
- (vi) pembinaan atau pembelian bangunan (termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang) dan perbaikan pada struktur di atas tanah atau struktur lain yang digunakan bagi maksud penanaman tanaman, ternakan binatang, akuakultur, perikanan di pedalaman dan kerja pertanian atau ternakan lain;

Dengan syarat bahawa bagi tujuan (v) dan (vi) di atas, jalan, jambatan, bangunan, perbaikan pada struktur di atas tanah dan struktur lain di atas tanah yang menjadi sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi maksud penanaman tanaman, ternakan binatang, akuakultur, penangkapan ikan di pedalaman dan usaha pertanian atau ternakan lain;

- (c) berhubung dengan perniagaan hotel, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas pembelian suatu bangunan atau pembinaan suatu bangunan hotel daripada standard diluluskan di Malaysia, termasuk apa-apa perubahan, tambahan dan pengubahsuaian atau mengadakan loji dan jentera atau kemudahan lain yang digunakan berkaitan dengan perniagaan hotel;
- (d) berhubung dengan projek pelancongan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan suatu projek pelancongan di Malaysia dan termasuk perbelanjaan modal atas –
 - (i) pembersihan tanah bagi maksud sesuatu projek pelancongan;
 - (ii) penanaman pokok dan tumbuh-tumbuhan;
 - (iii) pembinaan jalan dan kemudahan infrastruktur lain dengan syarat ia berada di atas tanah yang menjadi sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi maksud projek pelancongan;
 - (iv) mengadakan pameran burung, binatang dan pameran lain;
 - (v) mengadakan loji dan jentera;

- (vi) mengadakan bangunan (termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang), perbaikan pada struktur di atas tanah dan struktur lain di atas tanah yang menjadi sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi maksud sesuatu projek pelancongan;
- (e) berhubung dengan perkhidmatan berkaitan perkilangan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas mana-mana aset yang digunakan di Malaysia berhubung dengan dan bagi maksud perkhidmatan digalakkan itu sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan mengikut perintah statutori yang diterbitkan dalam Warta.

PYL juga termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan aset yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang diterbitkan dalam Warta.

7.2 Perbelanjaan modal yang tidak layak

PYL tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal, loji dan jentera di mana bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang menjadi kakitangan pengurusan, pentadbiran atau perkeranian.

7.3 Loji dan jentera

Loji dan jentera yang layak adalah loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan di bawah perenggan 70A Jadual 3 ACP. Penjelasan mengenai jentera dan penentuan suatu loji bagi maksud cukai pendapatan telah dijelaskan dalam Ketetapan Umum No. 12/2014 bertajuk Loji dan Jentera Yang Layak bagi Tuntutan Elaun Modal yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

8. Maksud Dilakukan

Amaun elaun cukai pelaburan yang diberikan dalam mana-mana tahun taksiran akan bergantung kepada PYL yang dilakukan oleh syarikat berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan. Di bawah seksyen 2 APP, istilah "dilakukan" mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 ACP.

8.1 Aset sewa beli

Suatu syarikat yang memperoleh aset melalui perjanjian sewa beli adalah bukan pemilik yang sah aset tersebut sehingga bayaran ansuran akhir telah dijelaskan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, bagi tujuan elaun cukai pelaburan, syarikat itu adalah disifatkan sebagai pemilik aset tersebut jika aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan.

Elaun cukai pelaburan dikira berdasarkan bayaran ansuran yang telah dibuat. PYL yang dilakukan oleh syarikat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah bahagian modal bagi bayaran ansuran yang dibayar di dalam tempoh asas tersebut mengikut terma dan syarat perjanjian sewa beli.

8.2 Selain daripada aset sewa beli

(a) pembinaan bangunan;

PYL untuk pembinaan bangunan adalah dianggap telah dilakukan pada hari pembinaan bangunan itu siap.

(b) loji dan jentera;

PYL bagi loji dan jentera yang dibeli selain daripada melalui sewa beli adalah dianggap telah dilakukan pada hari di mana loji dan jentera itu boleh digunakan bagi maksud perniagaan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan.

Contoh 2

NAA Sdn Bhd memutuskan untuk memulakan pengeluaran kereta moden. Sebahagian besar pengeluaran diautomasikan dengan robot dan mesin untuk mengeluarkan kereta. Robot dan mesin dipasang di kilang pada 1.2.2022. Pengeluaran bermula selepas tiga (3) bulan tempoh percubaan bagi aset tersebut dari 1.3.2022 hingga 30.6.2022. Pengeluaran komersial bermula pada 1.7.2022.

Aset untuk menghasilkan kereta tersebut boleh digunakan pada 1.7.2022. Oleh itu, PYL dianggap telah dilakukan pada 1.7.2022.

Untuk contoh tambahan mengenai aset yang boleh digunakan, sila rujuk KU No.6/2015 bertajuk Perbelanjaan Yang Layak dan Pengiraan Elaun Modal.

- (c) dalam mana-mana hal lain, PYL adalah dianggap telah dilakukan pada hari di mana amaun perbelanjaan menjadi kena dibayar; atau
- (d) bagi maksud sesuatu perniagaan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan suatu syarikat yang akan dijalankan, PYL adalah dianggap telah dilakukan apabila syarikat tersebut mula menjalankan perniagaan.

9. Layanan cukai bagi Elaun Cukai Pelaburan

Suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan adalah layak untuk menuntut elaun cukai pelaburan ke atas PYL yang dilakukan dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran. Pendapatan berkanun syarikat, daripada perniagaan syarikat berkaitan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, bersamaan dengan amaun elaun tersebut adalah dikecualikan daripada cukai.

9.1 Amaun elaun cukai pelaburan yang diberikan

Amaun elaun cukai pelaburan adalah dikira berdasarkan kadar yang telah diluluskan iaitu 60% atau kadar lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan yang tidak melebihi 100% daripada PYL.

9.2 Tempoh galakan cukai

- (a) Elaun cukai pelaburan dibenarkan berhubung dengan PYL yang dilakukan dalam tempoh galakan cukai bagi lima (5) tahun dari tarikh kelulusan berkuat kuasa.
- (b) Sekiranya syarikat memulakan perniagaan selepas daripada tarikh kelulusan berkuat kuasa, apa-apa PYL yang dilakukan sebelum permulaan perniagaan adalah disifatkan sebagai dilakukan dalam tempoh asas di mana perniagaan bermula.

Contoh 3

RS Sdn Bhd (RS), suatu syarikat pengilang peralatan industri, telah diberi kelulusan untuk elaun cukai pelaburan untuk suatu produk digalakkan pada 12.9.2018 bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1.11.2018 hingga 31.10.2023.

RS memulakan perniagaannya pada 1.4.2019 dan akaun pertama yang dikemukakan adalah untuk tempoh mulai 1.11.2018 hingga 31.12.2019. RS menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

PYL bagi elaun cukai pelaburan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh PYL Dilakukan
2019	1.11.2018 – 31.3.2019 ¹ 1.4.2019 – 31.12.2019
2020	1.1.2020 – 31.12.2020
2021	1.1.2021 – 31.12.2021
2022	1.1.2022 – 31.12.2022
2023	1.1.2023 – 31.10.2023 ²

Nota:

- ¹ RS memulakan perniagaan pada 1.4.2019 iaitu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2019. Oleh itu, PYL yang dilakukan oleh syarikat dalam tempoh mulai daripada 1.11.2018 hingga 31.3.2019 dianggap dilakukan dalam tempoh asas untuk tahun taksiran 2019.
- ² Perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat selepas 31.10.2023 adalah tidak layak untuk elaun cukai pelaburan.

Bagi penerangan lanjut untuk penentuan tempoh asas, sila rujuk KU No. 8/2014 bertajuk Tempoh Asas Bagi Suatu Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah Dan Koperasi yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

- (c) Syarikat boleh membuat tuntutan elaun cukai pelaburan bagi PYL yang dilakukan sebelum permohonan sekiranya kelulusan elaun cukai pelaburan diberikan secara ke belakang. Elaun cukai pelaburan bagi PYL hanya boleh dituntut dalam tempoh asas di mana syarikat diberitahu mengenai kelulusan permohonan.

Contoh 4

NZH Sdn Bhd (NZH), suatu syarikat pengilang barangan farmaseutikal, telah memohon elaun cukai pelaburan bagi suatu keluaran digalakkan pada 1.12.2020 dan telah diberi kelulusan secara ke belakang untuk tempoh lima (5) tahun pada 1.2.2021. NZH telah melakukan PYL mulai 1.3.2017. NZH menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Tarikh kuat kuasa bagi elaun cukai pelaburan tidak boleh lebih awal daripada 1.12.2017 iaitu tiga (3) tahun dari tarikh permohonan. Oleh itu, tempoh galakan cukai bagi syarikat ialah lima (5) tahun daripada 1.12.2017 hingga 30.11.2022.

PYL bagi elaun cukai pelaburan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh PYL Dilakukan
2021 ³	1.12.2017 ⁴ – 31.12.2021
2022	1.1.2022 – 30.11.2022 ⁵

Nota:

- 3 Syarikat hanya boleh menuntut elaun cukai pelaburan yang dilakukan sebelum tarikh kelulusan dalam tahun taksiran yang mana syarikat diberitahu mengenai kelulusan permohonan tersebut.
- 4 Syarikat hanya boleh menuntut elaun cukai pelaburan bagi PYL yang dilakukan tidak lebih awal daripada tiga (3) tahun daripada tarikh permohonan iaitu tidak lebih awal daripada 1.12.2017. Perbelanjaan modal yang dilakukan bagi tempoh mulai 1.3.2017 hingga 30.11.2017 adalah tidak layak untuk elaun cukai pelaburan.
- 5 Perbelanjaan modal yang dilakukan selepas 30.11.2022 adalah tidak layak untuk elaun cukai pelaburan.

9.3 Pelanjutan tempoh galakan cukai bagi aktiviti perkilangan dalam aktiviti pertanian bersepadu

Suatu pelanjutan bagi tempoh galakan cukai boleh diberikan kepada aktiviti perkilangan dalam aktiviti pertanian bersepadu untuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun lagi dari tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri, iaitu tarikh dalam atau selepas tempoh lima (5) tahun yang telah diluluskan. Syarikat yang berkenaan dikehendaki memberikan Menteri butiran seperti yang ditetapkan dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh kelulusan bagi menentukan tarikh bagi pelanjutan tempoh galakan cukai.

9.4 Penetapan tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburan

Mana-mana syarikat yang telah diberikan kelulusan untuk elaun cukai pelaburan perlu membuat permohonan bagi penetapan tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburannya. Syarikat juga perlu menyatakan PYL yang dilakukan oleh

syarikat. Ini perlu dilakukan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh pemberian kelulusan atau suatu tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Menteri.

Sebarang permohonan bagi pelanjutan tersebut hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh 24 bulan atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Menteri.

9.5 Pematuhan syarat bagi elaun cukai pelaburan

Syarikat yang telah diberikan tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburan hendaklah mengemukakan kepada Menteri Kewangan butiran seperti yang telah ditentukan bagi tujuan pematuhan mana-mana syarat yang dikenakan. Ini perlu dilakukan dalam tempoh elaun cukai pelaburan yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan.

9.6 Pengecualian pendapatan berkanun

Syarikat boleh membuat tuntutan pengecualian pendapatan sehingga 70% atau kadar lain yang tidak melebihi 100% daripada pendapatan berkanun daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang mana bersamaan dengan amaun elaun cukai pelaburan yang diluluskan.

Baki 30% atau kadar lain daripada pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pada kadar cukai korporat semasa.

9.7 Elaun cukai pelaburan melebihi 70% daripada pendapatan berkanun

Sekiranya kelulusan bagi elaun cukai pelaburan adalah untuk 70% pendapatan berkanun bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dan untuk satu tahun taksiran didapati tiada pendapatan berkanun atau tidak mencukupi, maka amaun elaun cukai pelaburan untuk tahun taksiran tersebut tidak boleh digunakan sepenuhnya.

Dalam kes ini, amaun elaun cukai pelaburan yang tidak diserap boleh dibawa ke hadapan ke tahun taksiran berikutnya yang mana terdapat pendapatan berkanun sehingga elaun tersebut digunakan sepenuhnya.

9.8 Pendapatan berkanun melebihi elaun cukai pelaburan

Jika 70% pendapatan berkanun berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan untuk satu tahun taksiran adalah lebih daripada amaun elaun cukai pelaburan dan sebarang elaun cukai pelaburan yang tidak diserap yang dibawa ke hadapan, ini bermakna amaun elaun cukai pelaburan adalah digunakan sepenuhnya.

Dalam kes ini, lebih 70% pendapatan berkanun ke atas elaun cukai pelaburan akan dikenakan cukai bersama-sama dengan 30% daripada pendapatan berkanun pada kadar cukai korporat semasa.

9.9 Elaun cukai pelaburan ditarik balik jika aset dilupuskan dalam tempoh lima (5) tahun

Jika syarikat telah melakukan perbelanjaan modal ke atas aset, iaitu kilang, loji, jentera atau bangunan bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, syarikat mungkin memutuskan untuk melupuskan aset tersebut. Sebarang pelupusan aset tersebut dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pemerolehan akan mengakibatkan penarikan balik elaun cukai pelaburan yang diberikan. Dalam erti kata lain, elaun cukai pelaburan yang telah diberikan dianggap tidak diberikan kepada syarikat yang mana ia sepatutnya layak.

Dari segi sistem taksir sendiri dan untuk tujuan praktikal, amaun elaun cukai pelaburan berkaitan akan ditarik balik dalam tahun aset dilupuskan.

10. Pengilangan

PYL dan perbelanjaan yang tidak layak berhubung dengan pengilangan yang berkaitan dengan atau untuk tujuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan telah ditakrifkan di bawah APP seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.1 dan 7.2 dalam KU ini.

Elaun cukai pelaburan diberikan sekali sahaja untuk suatu aktiviti digalakkan atau produk digalakkan. Ia diberikan semasa tempoh galakan cukai yang diluluskan pada kadar 60% atau kadar lain daripada PYL yang dilakukan dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran. Elaun cukai pelaburan digunakan untuk mengecualikan pendapatan berkanun perniagaan bagi aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan terhad kepada 70% atau kadar lain. Sebarang elaun yang tidak dapat digunakan untuk suatu tahun taksiran boleh dibawa ke hadapan ke tahun taksiran berikutnya sehingga diguna keseluruhannya.

Contoh 5

AA Sdn Bhd (AA), sebuah syarikat perkilangan telah diberikan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan untuk tempoh lima (5) tahun bermula 1.6.2018, pada kadar 60% berkaitan PYL yang dilakukan untuk pengeluaran keluaran digalakkan. Elaun cukai pelaburan ini boleh ditolak daripada 70% pendapatan berkanun perniagaan bagi keluaran digalakkan. AA menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Pendapatan Larasan dan Elaun Modal

Tahun Taksiran	Pendapatan Larasan (RM)	Elaun Modal (RM)
2018	20,000,000	1,400,000
2019	25,000,000	1,340,000
2020	30,000,000	1,420,000
2021	35,000,000	1,580,000
2022	20,000,000	1,500,000

Perbelanjaan modal yang dilakukan adalah seperti berikut:

PYL Dilakukan

Tahun Taksiran	Tarikh PYL dilakukan	Amaun (RM)
2018	1.3.2018	1,000,000
	1.5.2018	500,000
	1.6.2018	500,000
	1.8.2018	1,000,000
2019	1.3.2019	800,000
	1.4.2019	800,000
2020	1.6.2020	1,000,000
2021	1.9.2021	900,000
2022	1.2.2022	2,000,000

Kelulusan untuk elaun cukai pelaburan berkuat kuasa dari 1.6.2018 hingga 31.5.2023. Oleh itu, hanya perbelanjaan modal yang dibelanjakan dari 1.6.2017 hingga 31.5.2021 bagi tujuan pengeluaran keluaran digalakkan akan layak untuk elaun cukai pelaburan. Perbelanjaan modal yang dilakukan sebelum 1.6.2018 tidak layak untuk elaun cukai pelaburan.

Pengiraan elaun cukai pelaburan pada kadar 60% daripada PYL adalah seperti berikut:

Pengiraan Elaun Cukai Pelaburan

Tahun Taksiran	PYL (RM)	Elaun Cukai Pelaburan⁶ (RM)
2018	1,500,000	900,000 (1,500,000 X 60%)
2019	1,600,000	960,000 (1,600,000 X 60%)
2020	1,000,000	600,000 (1,000,000 X 60%)
2021	900,000	540,000 (900,000 X 60%)
2022	2,000,000	1,200,000 (2,000,000 X 60%)

Nota:

- ⁶ Elaun cukai pelaburan akan dipotong daripada 70% daripada pendapatan berkanun perniagaan bagi keluaran digalakkan. Pengiraan elaun cukai pelaburan dan penghadan kepada 70% daripada pendapatan berkanun adalah seperti ditunjukkan di bawah:

Elaun Cukai Pelaburan Terhadap Kepada 70% Pendapatan Berkanun

Perkara	TT2018 (RM)	TT2019 (RM)	TT2020 (RM)	TT2021 (RM)	TT2022 (RM)
Pendapatan larasan	20,000,000	25,000,000	30,000,000	35,000,000	20,000,000
Tolak: Elaun Modal	1,400,000	1,340,000	1,420,000	1,580,000	1,500,000
Pendapatan berkanun	18,600,000	23,660,000	28,580,000	33,420,000	18,500,000
Pendapatan berkanun (70%)	13,020,000	16,562,000	20,006,000	23,394,000	12,950,000
Elaun cukai pelaburan dibenarkan terhadap 70% daripada pendapatan berkanun ⁷	900,000	960,000	600,000	540,000	1,200,000

Nota:

- ⁷ Dalam kes ini elaun cukai pelaburan boleh diserap sepenuhnya.

Penggunaan elaun cukai pelaburan adalah seperti berikut:

Penggunaan Elaun Cukai Pelaburan

Perkara	TT2018 (RM)	TT2019 (RM)	TT2020 (RM)	TT2021 (RM)	TT2022 (RM)
Pendapatan berkanun	18,600,000	23,660,000	28,580,000	33,420,000	18,500,000
Tolak: Elaun cukai pelaburan ⁷	900,000	960,000	600,000	540,000	1,200,000
Pendapatan bercukai	17,700,000	22,700,000	27,980,000	32,880,000	17,300,000

11. Pertanian

Elaun cukai pelaburan terpakai kepada pertanian dan aktiviti pertanian bersepadu di mana syarikat terbabit dalam aktiviti digalakkan atau mengeluarkan keluaran digalakkan.

11.1 Maksud syarikat

Syarikat berhubung dengan pertanian berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan termasuk:

- (a) koperasi asas tani;
- (b) Persatuan Peladang Kawasan;
- (c) Persatuan Peladang Persekutuan;
- (d) Persatuan Peladang Negeri;
- (e) Persatuan Nelayan Kawasan;
- (f) Persatuan Nelayan Persekutuan;
- (g) Persatuan Nelayan Negeri; dan
- (h) syarikat milikan tunggal, perkongsian atau persatuan yang terlibat dalam pertanian semata-mata.

11.2 Perbelanjaan yang layak

Maksud PYL dan perbelanjaan yang tidak layak berhubung dengan pertanian berkaitan dengan atau bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan boleh didapati di perenggan 7.1 dan 7.2 KU ini. Permohonan elaun cukai pelaburan kepada pertanian berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan adalah serupa dengan permohonan untuk pembuatan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 10 KU ini.

Bagi pertanian bersepadu, syarikat akan layak mendapat elaun cukai pelaburan untuk tempoh tambahan lima (5) tahun bagi PYL yang dilakukan untuk aktiviti pemprosesan atau pembuatan. Permohonan untuk tambahan lima (5) tahun perlu dikemukakan kepada MIDA untuk kelulusan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Contoh 6

HAH Sdn Bhd, sebuah syarikat pertanian yang terlibat dalam aktiviti digalakkan telah diberikan elaun cukai pelaburan pada kadar 60% mulai 1.1.2021. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada tahun berakhir 31.12.2021, pendapatan larasan dan elaun modal adalah seperti berikut:

Perkara	Amaun (RM)
Pendapatan larasan	2,000,000
Elaun modal – loji dan jentera	500,000
PYL bagi elaun cukai pelaburan	900,000 ⁸

Syarikat juga melakukan perbelanjaan berkaitan projek pertanian berikut pada tahun 2021:

Butiran Perbelanjaan yang dilakukan	Amaun (RM)
Pembelian tanah ⁹	10,000,000
Pembersihan dan mengadakan tanah bagi maksud pertanian	200,000
Pembinaan sistem pengairan dan saliran	150,000
Pembinaan jalan masuk dan jambatan	100,000

Butiran Perbelanjaan yang dilakukan	Amaun (RM)
Menanam tanaman di atas tanah yang dibersihkan untuk ditanam	100,000
Pembinaan kediaman untuk pengarah ¹⁰	150,000
Pembinaan tempat tinggal untuk orang yang bekerja untuk bekerja di ladang	50,000

Nota:

⁹ Kos tanah sebanyak RM10 juta adalah perbelanjaan modal yang tidak layak untuk elaun cukai pelaburan.

¹⁰ Kos pembinaan kediaman untuk pengarah sebanyak RM150,000 adalah perbelanjaan modal yang tidak layak untuk elaun cukai pelaburan.

Pengiraan elaun pertanian adalah seperti di bawah:

Pengiraan Elaun Pertanian

Butiran Perbelanjaan (Kadar Elaun Pertanian)	PYL (RM)	Elaun Pertanian (RM)
Pembersihan dan mengadakan tanah bagi maksud pertanian (50%)	200,000	100,000
Pembinaan sistem pengairan dan saliran (50%)	150,000	75,000
Pembinaan jalan masuk dan jambatan (50%)	100,000	50,000
Menanam tanaman di atas tanah yang dibersihkan untuk ditanam (50%)	100,000	50,000
Pembinaan tempat tinggal untuk orang yang bekerja untuk bekerja di ladang (20%)	50,000	10,000
Jumlah	600,000¹¹	285,000¹²

Untuk penjelasan lanjut mengenai elaun pertanian, sila rujuk KU No. 1/2016 bertajuk Elaun Pertanian yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

Pengiraan dan penggunaan elaun cukai pelaburan adalah seperti berikut:

Perkara	(RM)	(RM)
Pendapatan larasan		2,000,000
Tolak: Elaun modal atas loji dan jentera		500,000
		1,500,000
Tolak: Elaun pertanian		285,000 ¹²
Pendapatan berkanun		1,215,000 ¹³
Tolak: Elaun cukai pelaburan	900,000	
[(RM900,000 ⁸ + RM600,000 ¹¹) X 60%]		
Terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun (RM1,215,000 ¹³ X 70%)	850,500	850,500 (Terhad)
Elaun cukai pelaburan dibawa hadapan	49,500	
Jumlah pendapatan		364,500

12. Penarikan Balik Kelulusan untuk Elaun Cukai Pelaburan

12.1 Jika suatu syarikat gagal mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dikenakan dalam kelulusan elaun cukai pelaburan, Menteri hendaklah melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu menunjukkan sebab supaya kelulusan itu tidak patut ditarik balik dalam masa 30 hari daripada tarikh penyampaian notis itu.

12.2 Menteri boleh menarik kelulusan elaun cukai pelaburan jika –

- (a) syarikat itu telah gagal mematuhi notis tunjuk sebab yang disampaikan kepadanya; atau
- (b) dia tidak berpuas hati dengan sebab-sebab ketidakpatuhan.

13. Penyerahan Kelulusan Elaun Cukai Pelaburan

- 13.1 Mana-mana syarikat yang telah diberikan kelulusan untuk elaun cukai pelaburan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, mungkin layak untuk memohon elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A ACP selepas penyerahan elaun cukai pelaburan yang diberikan dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.
- 13.2 Syarikat boleh pada bila-bila masa menyerahkan kelulusan elaun cukai pelaburan yang diberikan bagi apa-apa tujuan selain bagi maksud membuat permohonan untuk taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama.
- 13.3 Jika Menteri berpuas hati dengan sebab penyerahan pemberian tersebut, kelulusan penyerahan pemberian boleh dibuat secara ke belakang dan penyerahan itu akan berkuat kuasa –
- (a) dari tarikh pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan, atau
- (b) pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan itu diterima oleh Menteri sekiranya syarikat telah melakukan PYL.
- 13.4 Sekiranya syarikat yang telah diberi kelulusan untuk elaun cukai pelaburan menyerahkan balik kelulusan elaun tersebut, elaun cukai pelaburan hanya akan diberikan untuk PYL yang dilakukan dari tarikh kelulusan itu berkuat kuasa sehingga tarikh penyerahan balik kelulusan.

Contoh 7

DZ Sdn Bhd (DZ), sebuah syarikat pengilang barangan elektrik, telah diberi kelulusan bagi elaun cukai pelaburan pada kadar 60% yang boleh ditolak daripada 70% pendapatan berkanun. DZ menutup akaun pada 31 December setiap tahun.

Perkara	Tarikh
Tarikh kelulusan elaun cukai pelaburan	15.8.2018
Tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburan	1.10.2019

Pada 3.3.2022, DZ telah memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan balik kelulusan elaun cukai pelaburan yang diberikan kerana syarikat ingin membuat tuntutan elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A ACP.

Permohonan penyerahan balik diterima pada 3.3.2022 iaitu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2022. Oleh itu, tempoh kuat kuasa bagi penyerahan balik ialah pada 1.1.2022.

DZ boleh menuntut elaun cukai pelaburan yang dilakukan dalam tempoh mulai 1.10.2019 sehingga 31.12.2021. DZ layak untuk menuntut elaun pelaburan semula bagi tahun taksiran 2022 dan seterusnya sekiranya ia mematuhi semua syarat di bawah Jadual 7 ACP.

- 13.5 Suatu syarikat yang telah diberi kelulusan untuk elaun cukai pelaburan boleh menyerahkan balik kelulusan tersebut bagi memohon taraf perintis untuk aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan yang sama dengan memberi notis secara bertulis kepada Menteri sekiranya pada tarikh notis penyerahan balik tersebut syarikat masih belum melakukan perbelanjaan modal bagi maksud elaun cukai pelaburan dan Menteri berpuas hati dengan alasan bagi penyerahan balik kelulusan tersebut.

14. Akaun Berasingan

Syarikat yang telah diberikan kelulusan untuk elaun cukai pelaburan tidak dibenarkan menjalankan apa-apa perniagaan selain perniagaan di mana keseluruhan pendapatan kasar yang diperolehi daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam tempoh galakan cukai tanpa memaklumkan kepada Menteri. Jika syarikat menjalankan perniagaan selain daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, ia perlu menyimpan akaun berasingan untuk perniagaan lain tersebut, termasuk perniagaan lain yang melibatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan.

15. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah bagi maksud ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,

Lembaga Dalam Negeri Malaysia.